

**Sinergi Sektor Awam-Swasta Dalam Pendidikan Dapat Realisasi Aspirasi Negara -  
Muhyiddin  
Bernama  
13 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Pelaburan sektor swasta dalam bidang pendidikan mampu membantu melahirkan bakat-bakat baru yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Jumaat.

Walaupun pendidikan adalah tanggungjawab asas kerajaan, katanya, beliau percaya kedua-dua sektor awam dan swasta boleh memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan bagi menrealisasikan aspirasi serta sasaran pertumbuhan kerajaan.

Beliau berkata pelaburan dalam sektor pendidikan mempunyai peningkatan produktiviti jangka panjang yang ketara dan sejak sedekad yang lalu, sektor itu mengalami kadar pertumbuhan paling cepat selain merupakan satu daripada pengganda output tertinggi di Malaysia.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata pertumbuhan dalam sektor itu juga akan menjana dan memberi kesan kepada pertumbuhan sektor-sektor lain.

"Melalui Program Transformasi Ekonomi, Bidang Keberhasilan Ekonomi Utama dalam pendidikan disasarkan untuk meningkatkan jumlah sumbangan pendapatan kasar negara kepada RM60.7 bilion menjelang 2020 daripada RM27.1 bilion pada 2009," katanya ketika melancarkan Program Pembangunan Bakat Muda Axiata (AYTP) di sini.

Mengulas sasaran syarikat telekomunikasi itu ke arah melahirkan bakal pemimpin yang sempurna menerusi program itu, Muhyiddin berkata program seumpama itu adalah kritikal dalam menyokong aspirasi negara mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Saya percaya rakan perkongsian swasta-awam seperti ini akan membawa kepada peningkatan kerjasama erat dalam membantu memupuk kompetensi dan kemahiran selaras dengan permintaan ekonomi, sosial, teknologi dan kebudayaan masyarakat berbilang bangsa di negara ini," katanya.

Pada masa yang sama, katanya pendidikan dalam erti kata yang lebih mendalam juga harus menggarap nilai-nilai murni, pemikiran kritis, kepimpinan dan komunikasi di samping pengetahuan teknikal bidang masing-masing.

Program AYTP merupakan program biasiswa untuk memupuk bakat bakal pemimpin menerusi tajaan pembelajaran bagi pelajar cemerlang di institusi pengajian tinggi utama di Malaysia dan di luar negara.

Program AYTP merangkumi tiga komponen iaitu Program Sekolah Menengah Kebangsaan, Program Pra Universiti Baccalaureate Antarabangsa dan Program Ijazah Siswazah.

Terdahulu, Presiden Kumpulan Axiata dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Seri

Jamaludin Ibrahim berkata Axiata melabur sekurang-kurangnya RM100 juta ke arah program berdasarkan merit menerusi Yayasan Axiata dalam tempoh 10 tahun dan dijangka memanfaatkan 400 pelajar.

Katanya keutamaan juga akan diberikan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan luar bandar.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Jamaludin berkata pelaburan awal itu hanya untuk Program Sekolah Menengah Kebangsaan dan Program Pra Universiti Baccalaureate Antarabangsa.

Bagi Program Sekolah Menengah Kebangsaan, katanya, biasiswa itu meliputi kos pengajian selama lima tahun termasuk yuran, buku teks dan komputer riba di Kolej Yayasan Saad Melaka.

Setakat ini, 70 pelajar telah mendapat manfaat daripada program yang dilancarkan pada 2009 itu, iaitu 60 pelajar tingkatan satu dan dua manakala 10 pelajar pra universiti.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639973>